



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### TAHUN MEMPERKASA WANITA 2018 PERKENAL LOGO BARU

**PUTRAJAYA, 17 JANUARI 2018** – “Wanita Gemilang” dipilih sebagai slogan bagi Tahun Memperkasa Wanita 2018 atau singkatan TMW18 bertepatan dengan hasrat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memastikan inklusiviti terhadap wanita selain berdaya saing di peringkat global.

Logo TMW18 berbentuk bunga ros melambangkan ciri kewanitaan yang terbentuk daripada lima bulatan mewakili lima kluster iaitu ekonomi, pendidikan, keselamatan, kesihatan dan kebudayaan bagi melambangkan kesepakatan kesemua kluster bersama-sama dalam mencapai objektif TMW18 selaras dengan Dasar Wanita Negara.

Warna biru gelap (*midnight blue*) menjadi warna yang dipilih bagi mencerminkan sifat keperkasaan wanita dan kesejahteraan. Logo dan *branding* TMW18 yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri hari ini akan menjadi identiti kejayaan setiap wanita dan digunakan dalam program-program yang melibatkan kumpulan sasaran.

Menurut Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, "bertepatan dengan TMW18, wanita Malaysia seharusnya dapat digilap potensi mereka dan berada pada kedudukan yang tiada garis pemisah gender sekaligus menyerlahkan keterlibatan mereka merentasi segenap sektor. Saya berharap agar TMW18 mendapat sokongan padu dan menggalakkan penglibatan daripada semua agensi, NGO dan setiap daripada wanita Malaysia dapat menjadikan tahun ini sebagai tahun yang paling gemilang. Berkenaan dengan logo dan *branding* yang dilancarkan pada hari ini, saya menyeru agar semua agensi kerajaan, korporat, NGO dan seluruh pihak menggunakannya bagi melambangkan kesepaduan dalam pelaksanaan program-program memperkasa wanita".

Dalam majlis yang sama turut diumumkan tiga (3) ikon TMW18 sebagai penggerak dan pemacu Tahun Memperkasa Wanita 2018 di atas pencapaian cemerlang mereka dalam bidang masing-masing. Antara ikon yang diangkat ialah YAM Tengku Datin Paduka Setia Zata Shah yang aktif dalam aktiviti kesukarelawan, usahawan *e-commerce* dan pemilik Fashion Valet Vivy Yusuf serta selebriti terkenal dan juga seorang ahli perniagaan yang berjaya Noor Neelofa Mohd Noor.

Turut dikongsi pada Majlis Pelancaran ini, Laman sesawang rasmi TMW18 yang boleh dicapai melalui [www.tmw18.gov.my](http://www.tmw18.gov.my). Laman TMW18 dibangunkan untuk memantau semua bentuk program dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kementerian dan agensi. Pengisian yang dibuat akan sentiasa dipantau, dilaporkan dan dinilai keberkesanannya agar semua program dapat memberi impak yang tinggi kepada masyarakat.

Majlis juga menyaksikan kehadiran menteri-menteri Kabinet, Ketua Setiausaha Negara, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Ketua Setiausaha Kementerian, rakan strategik bagi TMW18 serta pengurusan tertinggi KPWKM.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Aras 35, Persiaran Perdana

**PUTRAJAYA**

Tel: 03-8323 1088 E-mel: [info@kpwkm.gov.my](mailto:info@kpwkm.gov.my)